

Tarian asli Perak tiada pengaruh Jawa

11 FEB 1989

PERAK Darul Ridzuan diakui kaya dengan bahan kesenian terutama tarian-tarian tradisional yang tinggi mutunya sekalipun secara keseluruhan ia belum dikenali oleh rakyat negara ini.

Keunggulan tarian itu terbukti kerana sering mendapat sambutan daripada masyarakat ketika dipersembahkan sama ada di dalam mahupun di luar negara. Ini ternyata apabila Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan memberi kepercayaan kepada Kumpulan Selendang Perak mewakili negara ke Pesta Tarian Rakyat Antarabangsa di Paris tahun lalu.

Kumpulan itu memaparkan pelbagai tarian seperti Dabus dan Belotah yang dikagumi oleh peminat tarian di pesta itu. Tetapi benarkah tarian tradisional itu mengandungi unsur dan hubung-kait dengan seni tari Jawa seperti didakwa oleh sesetengah

kalangan. Sebenarnya, dakwaan seumpama itu tidak tepat kerana sebelum dan setelah negeri Perak wujud, ia bebas dan tidak pernah menerima pengaruh dari tanah Jawa.

Bagaimanapun, Perak mempunyai kaitan dan hubungan rapat dengan Aceh dan adalah munasabah jika dikatakan kebanyakannya tarian tradisional yang ada mempunyai persamaan dengan seni tari Aceh.

Fakta ini boleh diterima kerana Aceh pernah beberapa kali menawan Perak sejak pemerintahan Sultan Mudzafar Shah I, Sultan Perak yang pertama sehingga kepada Sultan Mukkadam Shah, sultan keenam. Malah, ramai di kalangan sultan dan kerabat diraja Perak berkahwin dengan puteri Raja Aceh dan jurai keturunan itu masih kekal sehingga sekarang.

Berdasarkan catatan sejarah, sebelum wujudnya Kerajaan Perak pada 1528, seorang anak raja Aceh bergelar Sultan Malek Al-Mansur dikatakan membuka sebuah negeri yang dinamakan Kerajaan Melayu Beruas pada sekitar 1453.

Fakta ini sudah cukup kuat membuktikan pertalian persaudaraan di antara kedua negeri terjalin erat dan tidak hairan jika unsur kesenian negeri ini dipengaruhi oleh Aceh. Ini jelas terbukti kerana salah sebuah tarian tradisional iaitu Lenggok mempunyai persamaan dengan tarian Mensuekat di Aceh. Tarian Lenggok juga dikatakan menjadi tarian istana semasa pemerintahan Kerajaan Melayu Beruas.

Adalah tidak benar jika dikatakan tarian itu dipengaruhi oleh Jawa kerana ia tidak mempunyai persamaan sama ada di segi gerak tarinya, lagu, gerak kepala atau gerak perwatakannya.

Tetapi Lenggok mempunyai pertalian rapat dengan tarian Mensuekat di Aceh, cuma corak persembahan dan definisinya saja agak berbeza. Di Perak, Lenggok yang popular dan masih diamalkan oleh penduduk di Pasir Panjang, Sitiawan dan Bagan Datoh adalah tarian bercorak hiburan untuk persembahan di majlis per-

BH

Oleh **ONIE MORAZA**

kahwinan dan menyambut kedatangan tetamu luar.

Sebaliknya, tarian Mensuekat bercorak keagamaan untuk mengembangkan ajaran Wujudiah kerana hendak membasmikan pengaruh dan tarian Hindu yang pesat berkembang di Aceh. Tarian itu dicipta oleh seorang ulama dan guru Wujudiah bernama Ibnu Maskawaih dan diterajui perkembangannya oleh Hamzah Fansuri, seorang pelopor sastera Islam.

Tarian-tarian tradisional Perak mempunyai latar belakang dan tema yang boleh dikategorikan dalam pelbagai aspek. Umpamanya tarian 'Berudah' yang popular dan masih bertapak di kawasan Ta-

pah mempunyai sifat tatacara keagamaan.

Manakala tarian Gambus, Lenggok, Kipas, Inai, Piring, Lipat Sila, Telempong dan Pancak Gelombang berunsurkan hiburan. Tarian berunsurkan ritual pula ialah tarian Zikir Belotah, Bubu dan Sewang manakala tarian Dabus pula berunsurkan kepahlawanan.

Antara tarian itu, yang popular dan sering dipersembahkan ialah Dabus, Lenggok, Gambus dan Belotah manakala selebihnya kurang didekah kerana dikatakan sukar ditarikan.

Kebanyakannya tarian berkenaan datangnya dari tanah Sumatera dan tidak ada satupun yang ditadbir dari Jawa dan kerana itu tidak munasabah jika dikatakan seni tari Perak mempunyai unsur kesenian Jawa. Misalnya, Tarian Dabus dibawa oleh dua nakhoda bernama Lembang dan Topah yang berasal dari Batu Bahara, Sumatera, berdagang ke Pasir Panjang Laut pada sekitar 1700.

Dabus asalnya bukanlah sebuah tarian tetapi sejenis seni mempertahankan diri tetapi kerana gerak langkah dan tingkah yang dilakukan seperti menari, ia kemudian dijadikan tarian.

Kepahlawanan tarian itu ter-



KUMPULAN SELENDANG PERAK mempersembahkan dramaturi Megat Tarawih.

bukti apabila 300 pemain Dabus keturunan Aceh pernah menghpuskan keganasan lanun di perairan Selat Melaka yang diketuai oleh Daeng Mentanu pada sekitar 1786. Angkatan Dabus itu direstui oleh pemerintah Inggeris yang tidak tahan dengan ancaman lanun. Ia diketuai oleh dua khalifa bernama Tengku Abdul Latif dan Tengku Abdul Majid atau lebih dikenali dengan panggilan Kulup Mentok.

Pembentangan pendapat ini perlu diberi perhatian oleh tokoh, penggiat dan peminat kesenian negeri ini agar berpadu tenaga membuat kajian dan penyelidikan rapi serta teperinci untuk mencari kesahihan sebenar. Majlis Kebudayaan Negeri (MKN) seharusnya bertugas penting mendahului usaha yang disaranakan semoga majlis itu benar-benar berfungsi seperti matlamat asal penubuhannya pada tahun 1976.